



PERTANDINGAN LOGO-ICC@MBI

1. PENGENALAN

Pertandingan mencipta LOGO ICC@MBI ini diadakan untuk memberi peluang kepada anggota Majlis Bandaraya Ipoh untuk mencipta logo Ipoh Convention Centre yang baharu dan melambangkan imej, fungsi, dan peranan ICC@MBI sebagai pusat konvensyen pilihan utama di Bandaraya Ipoh.

2. SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN

- 2.1. Terbuka kepada **semua anggota** Majlis Bandaraya Ipoh.
- 2.2. Penyertaan adalah **percuma**.
- 2.3. Peserta dikehendaki mencipta satu **logo korporat** Ipoh Convention Centre.
- 2.4. Ciptaan logo korporat MBI mestilah **asli, unik, kreatif dan menarik serta mempunyai nilai korporat dan komersial**.
- 2.5. Setiap individu dibenarkan menghantar hanya **satu logo sahaja**.
- 2.6. Setiap penyertaan perlu disertakan dengan penjelasan berkenaan **idea, konsep dan penggunaan warna/fon (font)** di sebalik ciptaan logo yang dihasilkan.
- 2.7. Reka bentuk tidak mengandungi apa-apa unsur atau elemen **fitnah, hasutan dan politik** atau menyinggung perasaan mana-mana pihak.
- 2.8. Reka bentuk tidak mengandungi unsur makhluk, bangunan atau menyerupai mana-mana jata agensi atau kerajaan.
- 2.9. Majlis Bandaraya Ipoh mempunyai **hakmilik penuh** ke atas semua penyertaan dan logo yang dipertandingkan bagi **tujuan promosi, penerbitan, iklan dan di dalam urusan rasmi** Majlis Bandaraya Ipoh berkenaan ICC.
- 2.10. Semua logo penyertaan hendaklah dihantar melalui emel menggunakan **format Adobe Illustrator (.AI), Photoshop Design (.PSD), atau Portable Network Graphic(.PNG)**.
- 2.11. Setiap logo yang diciptakan haruslah **berlatar belakang (background)** dengan warna **telus cahaya (transparent)** atau **putih (white)**.



3. **CARA PENGEMUKAAN PENYERTAAN**

- 3.1. Peserta perlu mengisi semua butiran dalam borang penyertaan secara dalam talian. Fail logo yang lengkap hendaklah dihantar melalui e-mel ke shazwani@mbi.gov.my
- 3.2. Tarikh tutup penyertaan pertandingan ini adalah pada **21 SEPTEMBER 2025**, jam **12.00 tengah hari**.

4. **PENILAIAN PERTANDINGAN**

- 4.1. Penilaian akan dibuat berdasarkan kualiti, struktur dan rasional logo.
- 4.2. Majlis Bandaraya Ipoh mempunyai **hak penuh** untuk mengubah suai dan menggunakan semua atau sebahagian daripada ciptaan logo yang diterima.
- 4.3. Pemilihan pemenang adalah berdasarkan **kriteria pemarkahan** yang ditetapkan dan diputuskan oleh panel juri yang dilantik.
- 4.4. Keputusan adalah **muktamad** dan sebarang rayuan atau bantahan tidak akan dilayan.

5. **HADIAH PERTANDINGAN**

BIL.	PERKARA	ANGGARAN PERBELANJAAN	JUMLAH (RM)
1.	Hadiah Pertama	RM500.00	500.00
2.	Hadiah Saguhati	RM100.00 x 5 orang	500.00

6. **URUS SETIA PERTANDINGAN**

- 6.1. Urus setia pertandingan adalah Unit Ipoh Convention Centre, Majlis Bandaraya Ipoh. Sebarang pertanyaan berkenaan pertandingan ini boleh diajukan ke Urusetia Noor Shazwani Binti Mohd Sharkawi ditalian **05-2411254**



7. CONTOH LOGO DAN DESKRIPSI LOGO

RASIONAL LOGO MALAYSIA MADANI

Malaysia Madani merupakan panduan dan ikhtiar secara bersepadu dan holistik sebagai dasar pentadbiran yang lebih manusiawi. Malaysia Madani bertunjangkan sikap saling menghormati, meraikan kepelbagaian dan menjadi medan dialog peradaban. Kerangka Malaysia Madani menjadi pemacu kewujudan masyarakat maju dan bertamadun berdasarkan ilmu pengetahuan, tradisi, khazanah dan kearifan tempatan.

Jalur
Lima jari dengan jalur merah putih merupakan simbolisme kepada Rukun Negara, asas ideologi Malaysia

Bulatan
Bulatan berwarna biru menandakan kebulatan, muafakat dan perpaduan di kalangan rakyat

Bulan Sabit
Bulan merupakan simbol agama Islam sebagai agama Persekutuan

Bintang
Bintang berbucu 14 menandakan perpaduan di kalangan 13 buah negeri dan Wilayah Persekutuan

Warna Biru | Kesatuan nasional, keterangkuman dan persaudaraan

Warna Kuning | Nilai tradisi, kebudayaan dan kearifan tempatan

Warna Merah | Keberanian, jatidiri dan keazaman

Warna Putih | Keluhuran budi, kesucian hati dan hasrat murni



8. CONTOH LOGO IPOH CONVENTION CENTRE YANG LAMA





BORANG PENYERTAAN PERTANDINGAN LOGO-ICC@MBI 2025

1. BUTIRAN PESERTA

1.	NAMA	
2.	NO PEKERJA	
3.	JABATAN/UNIT	
4.	NO. TELEFON	
5.	EMEL	

2. KETERANGAN PESERTA

Adalah saya dengan ini mengaku bahawa idea dan hasil karya logo yang saya sertakan dalam pertandingan ini adalah karya asli dan merupakan hasil usaha saya sendiri dan tidak pernah diterbitkan, disiarkan, digunakan atau diambil daripada mana-mana pihak/hasil karya orang lain. Saya juga akan bertanggungjawab sepenuhnya jika terdapat sebarang tuntutan/apa jua bentuk tindakan daripada mana-mana pihak terhadap saya yang berkaitan karya ini. Saya juga bersetuju bahawa hasil karya logo yang dipertandingkan adalah menjadi **Hak Milik Unit Ipoh Convention Centre, Majlis Bandaraya Ipoh.**

Tandatangan :.....

Tarikh :.....

URUS SETIA

PERTANDINGAN *LOGO-ICC@MBI*

PERINGKAT MAJLIS BANDARAYA IPOH TAHUN 2025

UNIT IPOH CONVENTION CENTRE

NO. TEL : 05 – 2411254 / 05-2413611

ALAMAT EMEL : shazwani@mbi.gov.my